

TYT: GRADUAN UMS PERLU MENJIWAI, FAHAMI MAKSUD SEBENAR INTEGRITI

NST 27.11.16 1

OLEH MARRYAN RAZAN
marryan@newsabah-
times.com.my

KOTA KINABALU: Yang Di-per-tua Negeri Tun Dr. Juhar Mahi-ruddin mengingatkan generasi muda supaya menghindarkan diri daripada sogokan kerana ia menyalahi undang-undang negara.

Beliau yang juga Canselor Universiti Malaysia Sabah berkata para graduan sepatutnya menjiwai maksud sebenar integriti sebagai usaha

membangunkan modal insan yang berguna untuk keluarga, masyarakat dan negara.

“Kepelbagaian kaum di negeri ini mewujudkan sifat keterbukaan, kesederhanaan dan penerimaan. Sifat ini perlu diperkuat dengan nilai-nilai integriti agar tidak wujud rasa tidak puas hati dan persengketaan.


“Graduan yang memiliki nilai murni akan menjadi modal insan berintegriti dan produktif sebagai bakal pemimpin ulung masa depan

“Oleh itu generasi muda perlu

menghindari sogokan atau memihak dan menerima kerana perbuatan seumpama itu boleh melenyapkan kebijaksanaan dan bertentangan dengan penegak kebenaran,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis Konvokesyen ke-18 Universiti Malaysia Sabah, di Dewan Canselor UMS, di sini, kelmarin.

Tun Juhar berkata, abad ke-21 menuntut seorang personaliti yang bersih dari segala bentuk kecurangan agar pemimpin yang lahir adalah mereka yang mampu mengajak



SAMPAIKAN IJAZAH ... Musa (kanan) menyampaikan ijazah kepada salah seorang graduan.

masyarakat ke arah kebenaran.

“Matlamat kita bukan hanya melahirkan graduan berkualiti, tetapi graduan yang mampu bersaing secara sihat, yang menjiwai nilai paduan, berkhidmat penuh keikhlasan serta menjadi sumber perubahan.

“Bagi melahirkan generasi seumpama ini, anda hendaklah membina peribadi yang bersih serta mampu membezakan positif dan negatif sesuatu tindakan,” katanya.

Pada sidang kedua pula, Pro

Canselor UMS, Datuk Seri Panglima Musa Haji Aman menyampaikan ijazah kepada 1003 orang graduan terdiri dari empat Fakulti dan Program yang terdapat di UMS.

Konvokesyen selama tiga hari yang bermula kelmarin itu, menyaksikan seramai 5,207 graduan menerima diploma dan ijazah masing-masing. Daripada jumlah itu, 50 graduan menerima Ijazah Doktor Falsafah (PhD), Ijazah Sarjana (563), Ijazah Sarjana Muda (4,530) dan Diploma 62 graduan.